

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama

Sidang Akademik 2000/2001

September/Oktober 2000

HST 325 - Kertas Khas Dalam Sejarah Asia Tenggara

[Masa: 3 jam]

KERTAS PEPERIKSAAN INI MENGANDUNGI TUJUH [7] SOALAN DI
DALAM SATU [1] HALAMAN.

Jawab EMPAT [4] soalan sahaja.

1. Sejauh manakah masyarakat Jepun di Asia Tenggara merupakan sebahagian daripada alat perluasan negara Jepun sebelum 1941?
2. "Persoalan sama ada seseorang itu bekerjasama ataupun menentang Jepun bukanlah merupakan sesuatu yang mudah". Bincangkan dengan merujuk kepada mana-mana negara di Asia Tenggara.
3. Sejauh manakah agama serta elit agama turut menjadi alat kepada Jepun untuk menguasai penduduk tempatan?
4. "Pendudukan Jepun turut memecahbelah dan pada masa yang sama menyatukan pergerakan-pergerakan nasionalis di Asia Tenggara" (A.J. Stockwell). Bincangkan.
5. Bincangkan tindakbalas para petani tempatan terhadap monopoli ekonomi Jepun di Asia Tenggara.
6. Bincangkan hubungan Jepun-Asia Tenggara selepas perang sehingga 1980-an. Sejauh manakah hubungan ini membawa kepada perubahan sikap penduduk rantau ini terhadap Jepun?
7. Sejauh manakah sumber lisan penting dalam pensejarahan Pendudukan Jepun di Malaysia?